

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]**  
**TARIKH : 19.6.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penyusunan semula jawatan-jawatan dan pangkat yang melibatkan penjawatan Pengetua, Pengetua Cemerlang, Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah, Pegawai Pendidikan Negeri, dan Kementerian Pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan kajian penstrukturan semula kementerian seiring dengan Inisiatif 70: Transformasi Pendidikan berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Kajian tersebut merangkumi penstrukturan semula di peringkat Bahagian-bahagian, Institusi, Jabatan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah dengan mengambil kira pengukuhan tenaga kerja di setiap peringkat pentadbiran pendidikan dan dijangka akan selesai pada tahun 2014.